

Wanita diberi peluang cadang Puteri Umno

29 SEP 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat – Wanita di peringkat cawangan dan bahagian diberi peluang mengemukakan cadangan serta resolusi dalam menentukan struktur dan mekanisme terbaik bagi pembentukan Puteri Umno.

Keputusan itu dicapai dalam mesyuarat hampir tiga jam Pergerakan Wanita Umno yang membabitkan 134 Ketua Wanita bahagian dan Exco Wanita Umno dari seluruh negara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Penetapan Wanita Umno itu berikutan pelbagai pandangan terhad idea oenubuhan Puteri Umno yang dicadangkan ahli Majlis Tertinggi (MT) Azalina Othman kepada pengurusan Umno pusat.

Sehubungan itu, Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, meminta semua jawatankuasa Wanita peringkat cawangan mengadakan mesyuarat secepat mungkin dan menghantar cadangan masing-masing kepada bahagian sebelum dikemukakan

ke ibu pejabat pergerakan itu dalam tempoh tujuh hari.

Rafidah turut memberi jaminan, pergerakan itu akan mengambil kira semua cadangan dan menerima keputusan dibuat oleh ahli bagi pembentukan unit yang akan menjadi pelengkap Wanita Umno.

“Mereka akan membuat keputusan dan resolusi, dan akan dikemukakan pada ibu pejabat. Kita akan merumuskan apa pendapat Wanita Umno di peringkat akar umbi terhadap cadangan itu,” katanya.

Isu Puteri Umno menjadi hangat apabila ada pihak mempertikai cadangan pemberian status kelab kepada Puteri Umno terutama daripada kalangan profesional muda.

Sehubungan itu Selasa lalu, Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, sebarang cadangan pergerakan itu akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan, sebelum diputuskan pada mesyuarat Majlis

Tertinggi (MT) akan datang.

Beliau turut memberi jaminan sebarang keputusan akan memuas hati semua pihak, serta bertepatan hasrat awal parti untuk menjadikan Puteri Umno sebahagian entiti parti.

Sementara itu difahamkan, pergerakan itu enggan menerima cadangan ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Azalina Othman yang mencadangkan Puteri Umno diasingkan daripada Pergerakan Wanita.

Malah dalam kertas cadangan Pergerakan Puteri Umno (PPU) yang dihantar kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Azalina mencadangkan struktur PPU lebih berteras program dan diwujudkan dalam bentuk entiti tersendiri supaya mempunyai autonomi.

Entiti baru itu dikatakan dilihat sebagai langkah proaktif dalam mengembalikan sokongan terhadap Umno terutama kalangan wanita profesional.

Mengikut cadangan Azalina, struktur PPU sama seperti Per-

gerakan Pemuda Umno yang mana mereka mempunyai seorang Ketua Puteri yang sama taraf jawatan Naib Presiden Umno.

Naib Ketua, Datuk Sharizat Abdul Jalil ketika diminta mengulas mengenai cadangan itu berkata, Wanita Umno tidak dapat menerima cadangan berkenaan kerana ia membahagikan pergerakan itu kepada dua entiti berasingan – Wanita dan Puteri.

“Jumlah ahli Wanita Umno yang sebanyak lebih satu juta ahli itu akan terpecah dengan wujudnya satu kelompok golongan di peringkat usia atas 40 tahun dan mereka di bawah usia 40 tahun.

“Tujuan kita mewujudkan Puteri Umno adalah untuk mengukuhkan parti dan bukan memecahkannya lagi,” katanya.

Sementara itu dalam mesyuarat terbabit, Wanita Umno juga turut mencadangkan agar jawatan Ketua Wanita cawangan dan naib Ketua Wanita secara automatik menjadi jawatankuasa bahagian Umno.